



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Agensi Kementerian Kemajuan Desa & Wilayah

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal Bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan CIDB bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF DAN MEMBAIKPULIH PENGHAWA DINGIN DAN PENGHADANG PENGHAWA DINGIN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI KKTm PETALING JAYA, SELANGOR

NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH & TEMPAT TAKLIMAT SEBUT HARGA	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
340/2023/0012	CIDB KELAS G1 (M01) Negeri Selangor	04/07/2023 HINGGA 11/07/2023	11/07/2023 (Selasa) Masa Pendaftaran: 9.30 - 10.00 pagi Masa Taklimat: 10.00 pagi Bilik Mesyuarat KKTm PJ	RM5.00	18/07/2023 (Sebelum 12.00 tengah hari)

2. Kontraktor hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen :-
 - i) Sijil Asal Akuan Pendaftaran Kontraktor dengan CIDB
 - ii) Sijil Asal Akuan Bumiputera dari CIDB @ PKK
 - iii) Sijil Asal Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
 - iv) Sijil Asal Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA semasa mengambil dokumen. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.
3. Dokumen sebut harga boleh diperolehi pada waktu pejabat (8.30 pagi - 1.00 ptg, 2.00 ptg - 4.30 ptg) seperti alamat di bawah. Dokumen sebut harga tidak akan dijual selepas tempoh ini.
4. Pembekal yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri taklimat sebut harga seperti alamat di bawah. Wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN untuk menghadiri taklimat sebut harga dan membeli dokumen. Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENERIMA YANG BERDAFTAR DENGAN CIDB sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat dan membeli dokumen dengan mengemukakan KAD PENGENALAN DAN SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT sebagai pengesahan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan mengambil satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan kehadiran taklimat sebut harga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat sebut harga.
5. Bayaran dokumen sebut harga boleh dibuat secara MARAEPS atas nama AKAUN PUNGUTAN KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA PETALING JAYA. Bayaran secara online melalui bayar.maraeps.my.
6. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.
7. MARA tidak tertakluk untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. MARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan No. Sebut Harga dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga seperti alamat di bawah:-

Pegarah
KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA PETALING JAYA,
12 Jalan Templer, 46000 Petaling Jaya, Selangor
Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengahari
9. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan diterima. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://petalingjaya.kktm.edu.my>


KAMARUL NAZIM BIN ABU BAKAR
Timbalan Pengarah (KPHP)
Kolej Kemahiran Tinggi MARA
Petaling Jaya